PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 5/2026

KEDUDUKAN KATEGORI PENGGUNAAN TANAH BAGI TANAH DESA YANG DIPEGANG DI BAWAH HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN DAN TERTAKLUK KEPADA SYARAT SUBSEKSYEN 53(2) KANUN TANAH NEGARA APABILA TANAH ITU DIJADIKAN TANAH PEKAN ATAU TANAH BANDAR

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Putrajaya
2026

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 5/2026
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Menara PETRA, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan
1	1994	Pekeliling Asal
2	2026	Semakan Pertama

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/2026

Kedudukan Kategori Penggunaan Tanah Bagi Tanah Desa Yang Dipegang Di Bawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran Dan Tertakluk Kepada Syarat Subseksyen 53(2) Kanun Tanah Negara Apabila Tanah Itu Dijadikan Tanah Pekan atau Tanah Bandar

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pendaftar dan Pentadbir Tanah mengenai kedudukan kategori penggunaan tanah bagi tanah desa yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran dan tertakluk kepada subseksyen 53(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] (KTN) apabila tanah itu dijadikan tanah pekan atau tanah bandar.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Tanah desa yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran dan tertakluk kepada subseksyen 53(2) KTN **tidak boleh** dianggap sebagai tanah pekan atau tanah bandar yang tertakluk kepada subseksyen 53(3) KTN yang boleh digunakan untuk tujuan bangunan apabila tanah desa itu diisytiharkan menjadi tanah pekan atau tanah bandar secara amalannya menggunakan seksyen 11(ca) dan (d) KTN. Ini adalah kerana seksyen 53 KTN adalah terpakai kepada tanah yang diberi milik atau diluluskan pemberimilikan dan yang terdiri dari tanah desa, tanah pekan atau tanah bandar **sebelum** 1 Januari 1966, iaitu tarikh KTN mula berkuatkuasa.

3. Oleh itu, Pendaftar atau Pentadbir Tanah **tidak boleh** menganggap tanah desa yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran dan tertakluk kepada subseksyen 53(2) KTN sebagai tanah kategori bangunan di bawah subseksyen 53(3) KTN sekiranya tanah itu diisytiharkan kemudiannya sebagai tanah pekan atau tanah bandar. Tanah itu akan terus tertakluk kepada subseksyen 53(2) KTN dan hendaklah digunakan untuk tujuan pertanian sahaja. Apabila cukai tanah tersebut disemak di bawah seksyen 101 KTN, tanah itu akan tertakluk kepada kadar cukai bagi tanah pekan atau tanah bandar dalam kategori pertanian.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta Wilayah Persekutuan.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia ditandatangani.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 3/1994 adalah dibatalkan.

(DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

Tarikh: 08.4.2026